

e-Buletin

UNIT PSV JSS IPGM KTI

LAWATAN APRESIASI SENI



27 FEBRUARI 2023- Lawatan Apresiasi Seni merupakan aktiviti yang dilaksanakan bagi menepati Maklumat Khusus dalam mata pelajaran Apresiasi dan Kritikan Seni Visual (PSVK1152). Lawatan ini melibatkan seramai 24 orang siswa/i PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2022/2027 dan diiringi 2 orang pensyarah pembimbing daripada Jabatan Sains Sosial.

Tujuan utama lawatan ini dilaksanakan adalah untuk memberi pengalaman secara visual bagi karya-karya seni 2 dimensi dan 3 dimensi di Malaysia. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk membolehkan pelajar mengumpul maklumat dan idea bagi menyelesaikan tugas pentaksiran berterusan mata pelajaran PSVK 1152. Tidak dapat dinafikan bahawa lawatan ini dapat membantu siswa/i untuk mengembangkan idea dan kreativiti mereka.



TAKLIMAT RINGKAS

Siswa/i telah mendapat taklimat ringkas daripada pensyarah bimbingan untuk sentiasa menjaga keselamatan dan berjalan secara berkumpulan. Pelajar juga diberikan kebebasan untuk mendapatkan sumber ilham karya seni daripada kawasan sekeliling.



BALAI SENI MELAKA

Siswa/i juga telah melawati Balai Seni Melaka bagi melihat hasil-hasil karya orang tempatan terhadap Malaysia terutamanya negeri Melaka. Mereka juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan daripada penggunaan media campuran dan melihat nilai kreativiti setiap pengkarya.